

16/03/2003

`Kami adalah ujian senjata pemusnah AS'

Jamhariah Jaafar

UNDIAN terhadap resolusi tajaan Amerika Syarikat (AS) dan Britain bagi meminta Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) membenarkan perang dilancarkan ke atas Iraq, mungkin ditangguh sehingga minggu depan. Bagaimanapun, AS bagaikan `buta dan tuli' kepada semua bantahan dunia, sebaliknya meneruskan persediaan untuk berperang, walaupun terpaksa melaksanakannya seorang diri. Walaupun tertekan dan semakin bimbang dengan masa depan mereka, rakyat Iraq tidak mungkin tunduk dan mengucapkan `selamat datang ke Baghdad' serta menghadihkan tentera AS dan sekutu mereka dengan kalungan bunga.

Ikuti bicara wartawan Berita Minggu, JAMHARIAH JAAFAR, bersama Duta Iraq ke Malaysia, Kais Subhi Al-Yacoubi, mengenai mengapa Presiden George Bush bertekad untuk menyerang negara itu dan persediaan rakyat Iraq sendiri bagi menghadapi peperangan.

BOLEH anda memberi sedikit gambaran mengenai perkembangan terkini membabitkan Iraq?

Situasi hari ini begitu serius kerana sejak AS bertekad untuk bertindak walaupun seorang diri untuk meneruskan rancangan menyerang Iraq, terutama `dateline' semakin dekat. Mereka bertekad untuk melancarkan serangan itu walaupun Majlis Keselamatan PBB masih belum memutuskan sebarang keputusan terutama dengan undian muktamad masih belum diketahui.

Hingga hari ini (Jumaat lalu) Bulgaria adalah antara negara yang masih belum membuat sebarang keputusan. Tetapi AS walaupun ditentang hebat oleh kuasa dunia lain seperti Perancis dan Russia, yang dengan lantang menegaskan mereka tidak menerima sebarang dateline atau resolusi untuk berperang, telah memutuskan untuk berperang walaupun seorang diri. Laporan hari ini menyebut, AS menghantar lima lagi kapal perang untuk menyerang Laluan Swiss sebagai persediaan untuk menyerang, begitu juga lebih banyak pesawat udara dihantar.

Lebih buruk lagi, Kuwait juga memenuhi permintaan AS untuk membuka 10 jurang pagar antara Iraq dan Kuwait, menarik keluar pasukan pengaman dari sempadan kedua-dua negara. Jadi pada kami, sikap AS itu menyaksikan perang hampir pasti berlaku walaupun ia menerima tentangan dari seluruh dunia. Jadi ini adalah situasi terakhir. Mereka tidak akan dan enggan mendengar sebarang cadangan atau resolusi untuk meleraikan kemelut ini secara aman.

Bolehkan anda jelaskan kepada rakyat Malaysia mengapa AS amat ingin menyerang Iraq, adakah kerana minyak, untuk menumbangkan Presiden Saddam Hussein atau apa?

Mereka ingin segala-galanya. Mereka ingin minyak Iraq, mereka ini wilayah Iraq. Ini adalah kedudukan geografi Iraq amat penting. Ia boleh menghubungkan Asia Barat dengan negara Asia lain, ia terletak di Teluk Arab, mempunyai sumber minyak terpenting dunia.

Tapi yang paling penting ialah Iraq telah membuat keputusan untuk menentang sebarang penjajahan atau kawalan asing di negara ini dan ia juga adalah penentang utama Israel. Iraq adalah negara paling lantang dan berani dalam mempertahankan rakyat dan isu Palestin yang terkapai-kapai, Ini adalah perkara yang paling dibenci AS, kerana di belakang kuasa dunia itu ialah Israel dan Yahudi.

Malaysia sebagai negara Muslim, saya yakin amat bijak dan insaf akan sebab sebenar AS. Perdana Menteri awak, Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad), juga telah menyebut perkara yang sama dalam ucapannya yang amat lantang di Sidang Puncak NAM (Pertubuhan Negara-negara Berkecuali) bahawa terdapat

hubungan antara isu Palestin dan Iraq dan beliau mendesak supaya seluruh dunia mengutuk sebarang usaha ke arah peperangan. Saya tahu rakyat negara anda amat bijak dan umat Islam yang baik, dan negara anda antara penyampai suara keamanan yang lantang. Kerana itu saya berasa amat selesa di sini, seperti di negara saya sendiri.

Kelihatannya Presiden AS ingin benar-benar membalas dendam ke atas Iraq. Mengapa anda tidak bertanya kepadanya? Ini adalah kerana memang tidak ada orang faham mengapa dia bertegas untuk berperang, sedangkan masih ada ruang untuk mencari penyelesaian secara damai. Kami telah mengikut segala arahan terutama membabitkan pemilikan senjata pemusnah. Mohamed ElBaradei (Ketua Pengarah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa), telah mengaku bahawa Iraq telah mematuhi semua arahan dan tidak ada tanda langsung bahawa Iraq kembali memiliki sebarang senjata pemusnah.

Malahan Blair mengaku bahawa Iraq telah memberi kerjasama. Apa lagi yang boleh dirumuskan dari perkara ini kecuali ia adalah disebabkan hal peribadi. Mungkin Bush mempunyai banyak alasan, tapi saya tidak tahu, mungkin Bush ingin membuktikan dirinya sebagai penakluk, 'Bush the conqueror'. Tapi kami tahu apa motifnya iaitu di sebalik ini semua adalah Israel dan kaum Yahudi. Kami tahu ia bukan kerana rakyat Amerika, rakyat negara itu sendiri ternyata membantah dan enggan memberi sokongan.

Beribu-ribu mereka membuat demonstrasi membantah tindakan Bush, kerana itu kami tidak menyalahkan rakyat Amerika... mereka tidak mahu peperangan ini berlaku. Mereka tidak mahu menghantar anak, suami atau ayah mereka, untuk dibunuh di Iraq. Tapi mereka datang untuk berperang, jadi kami sudah tentu akan bertempur. Sudah tentu dalam peperangan akan ada yang mati atau cedera. Israel tidak kisah, kerana yang mati nanti ialah rakyat Amerika.

Bagaimana rakyat Iraq bersedia untuk menghadapi peperangan yang mungkin berlaku ini?

Kami tidak terkejut, malahan bersedia untuk menghadapi peperangan yang boleh berlaku pada bila-bila masa saja. Rakyat Iraq telah menyiapkan diri, Kerajaan Iraq juga telah memberi latihan kepada lelaki dan wanita.

Kanak-kanak terbabit juga?

Kanak-kanak akan terus jadi kanak-kanak, mereka akhirnya akan menjadi mangsa peperangan dan keganasan. Pahlawan di medan perang tidak mengira jantina, lelaki atau wanita, orang tua atau kanak-kanak. Ini adalah peperangan dan peperangan ini akan membawa kematian. Kami perlu bekerja keras menyediakan semua orang. Kami berjuang untuk mempertahankan tanah air sendiri, bukannya pergi menyerang negara lain yang beribu-ribu batu jauhnya seperti yang bakal dilakukan oleh tentera Amerika. Kami hanya boleh berdoa dan menaruh harapan supaya peperangan tidak akan berlaku. Tapi sekiranya ia berlaku juga, kami sudah bersedia untuk menghadapinya. Kami tidak berharap sesiapa untuk tampil atau turun ke gelanggang untuk berperang bagi pihak kami. Tapi apa yang berlaku sekarang Iraq menerima begitu ramai tetamu asing, sukarelawan, beratus-ratus daripada mereka adalah rakyat Amerika sendiri, Arab, negara Islam, malahan makin ramai rakyat dunia memohon untuk memasuki Iraq sekarang.

Berapa ramai rakyat asing berada di Baghdad sekarang?

Saya tidak tahu, mungkin beribu tapi saya tidak pasti. Tapi yang pasti ramai berada di sana. Ramai rakyat Arab berada di sana dan sedang berlatih untuk menjadi pejuang, ramai yang lain berada di sana untuk melakukan apa saja yang terdaya. Seluruh umat yang jujur dan cintakan keamanan, hanya ingin menunjukkan kepada AS bahawa apa yang dunia perlukan sekarang ialah keamanan, bukannya peperangan.

Apa lagi yang boleh dibantu masyarakat antarabangsa sekarang?

Masyarakat antarabangsa sekarang telah melakukan apa yang terdaya, terutama menolak dan membantah keras keputusan AS untuk menyerang Iraq. Mereka telah melakukan segala-galanya, sehingga ada yang meletak jawatan.

Lihat apa yang berlaku dalam kabinet British, ada menteri dalam Parti Buruh mengancam akan meletak jawatan sekiranya Blair meneruskan niatnya untuk bersama AS. Begitu juga Kofi Anan (Setiausaha Agung PBB) sendiri, beberapa hari lalu dia menegaskan sebarang tindakan unilateral ke atas Iraq adalah menentang Piagam PBB. Dunia telah melakukan apa yang terdaya. Apa yang penting sekarang ialah terus memberi tekanan kepada AS untuk jangan mencetus peperangan, kerana ia adalah tidak adil dan memusnahkan nyawa beribu jika tidak berjuta manusia... bukan saja rakyat Iraq, bahkan tentera AS.

Satu daripada keputusan dicapai ketika mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur, selepas Sidang Puncak NAM ialah menggunakan minyak sebagai senjata bagi mendesak AS untuk tidak melancarkan perang. Apa pendapat anda?

Itu adalah cadangan paling praktikal yang dicadangkan oleh Perdana Menteri anda. Ia adalah praktikal dan adil kerana minyak adalah sumber yang amat diperlukan, malahan AS. AS mempunyai pelaburan begitu besar dalam industri ini. Jadi, cadangan itu adalah amat praktikal dan amat logik, kami berharap seluruh negara OIC akan memberi sokongan padu kerana ini adalah antara cara terbaik untuk menunjukkan bahawa pergerakan kita ber

Bagaimana anda melihat sokongan anggota OIC dan Liga Arab, kerana ada negara terbabit turut membenarkan negara mereka digunakan oleh AS?

Secara rasmi Liga Arab dan OIC memberi sokongan untuk kemelut ini dilerai dengan penyelesaian secara damai. Itu adalah status rasmi. Tapi bagi negara yang membenarkan wilayah mereka dijadikan tempat pelancar serangan atau lain-lain, ia adalah sesuatu yang bertentangan dengan kehendak rakyat mereka. Pemimpin yang melakukan sedemikian hanya menentang kehendak rakyat, sudah tentu mereka akan dikutuk. Ia juga sudah tentu dikutuk oleh agama Islam, kerana Islam tidak membenarkan sesama Islam untuk menyerang antara satu sama lain.

Boleh anda jelaskan, mengapa Iraq yang telah melalui sekatan sejak 12 tahun lalu, terus diberi tekanan lebih buruk hari ini?

Kerana mereka tidak mencapai sasaran sebenar mereka iaitu untuk memusnah dan memecah-belahkan Iraq. Ini adalah kerana Iraq adalah sebuah negara yang kuat semangat, mampu untuk menangani Israel dan sebarang usaha penjajahan ke atas negara ini. Semua orang tahu Iraq telah mematuhi semua permintaan baik membabitkan sekatan atau pemilikan senjata pemusnah. Mereka telah mengenakan sekatan ke atas Iraq sejak 22 Ogos, 1990, di mana kami hampir musnah.

Ketika itu alasan mereka ialah untuk memastikan Iraq keluar dari Kuwait. Kami bebaskan Kuwait sejak hampir 12 tahun iaitu pada akhir 1991, kami mengiktiraf kemerdekaan Kuwait, kami mengiktiraf persempadan Kuwait, kami melakukan segala-galanya untuk membuktikan bahawa kami ingin hubungan yang normal dengan Kuwait. Tapi alasan yang diberi selama ini hampir lupus, jadi satu-satunya motif yang tinggal sekarang ialah untuk memusnahkan Iraq.

Pernah timbul cadangan bahawa antara jalan penyelesaian isu ini ialah dengan peletakan jawatan Presiden Saddam Hussein.

Saddam Hussein adalah Presiden Iraq, yang dipilih oleh rakyat Iraq. Pada pungutan suara Oktober lalu, dan keputusan ialah seluruh rakyat Iraq sebulat suara memilih Saddam Hussin.

Dia adalah tonggak utama Iraq, dia mempertahankan hak dan kehormatan Iraq. Rakyat Iraq yang memilih siapa pemimpin mereka, bukan rakyat lain. Jadi kenapa, kepimpinan Iraq patut ditukar hanya kerana ada orang di AS berasa dia patut ditukar. Jika itu berlaku, esok mungkin di tempat lain ada orang yang AS tidak suka, jadi orang itu juga patut ditukar... akhirnya AS berkuasa untuk menyingkir sesiapa saja yang tidak disukai di

dunia ini.

Jika peperangan berlaku, apa yang mungkin dilakukan oleh rakyat Iraq?

Mereka akan berperang, kami tidak akan tunduk dan berkata `selamat datang ke Baghdad' dan menghadiahkan pula mereka dengan kalungan bunga.

Perdana Menteri saya berkata, jika perang ke atas Iraq dilancarkan ia mungkin pencetus kepada Perang Dunia Ketiga. Apa yang mungkin berlaku ialah dunia vs AS. Apa pendapat anda?

Ya, apa saja boleh berlaku. AS dan Britain adalah pengeluar mesin perang terbesar dunia dan mereka menyerang negara seperti Iraq... jadi kami adalah ujian kepada senjata pemusnah mereka. Dunia memang menentang AS sekarang. Cuba cari negara mana yang menyokong AS, kecuali Blair di England, pemimpin Sepanyol, dan `monyet' di Australia... siapa lagi yang menyokong AS. Tidak ada orang, malahan rakyat AS sendiri tidak menyokong keputusan kerajaan mereka.

Ia adalah seperti anda mempunyai `machine gun' dalam tangan, keputusannya ialah dia mungkin menembak membabi buta, membunuh keluarga dan jiran-jirannya. Mesin seumpama yang berada dalam tangan orang gila seperti itu, mungkin akhirnya akan membunuh diri sendiri.